6	Seri Kembangan, Kembangsari Fasa 2, Flat PKNS & Tmn. Muhibbah	176	1.4
7	Kajang, Sg. Ramal, Tmn. Sri Ramal, Sg. Jelok, Sg. Chua, Sg. Kantan, Semenyih.	159	1.3
8	Bkt. Serdang, Putra Jaya	154	1.2
9	Balakong, Bkt. Belimbing, Tanming Jaya dan lain-lain	144	1.1
10	Cheras, Bandar Tun Razak	86	0.7
11	Bandar Baru Bangi, Air Hitam, Sungai Merab, Abu Bakar Baginda	56	0.4
12	Sg. Besi, Sri Petaling, Sg. Besi Indah, Desa Tasik	65	0.5
13	Serdang Lama, Desa Serdang	53	0.47
14	Kuala Lumpur	25	0.2
15	Shah Alam, Puchong, Klang	15	0.1
16	N. Sembilan	4	0.03
17	Seluruh Negeri (Latihan Pratikal)	18	0.1
	JUMLAH	12586	100



Unit Kaunseling dan Kerjaya


Pada tahun 1995, seramai 259 orang pelajar telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Kebanyakan pelajar-pelajar yang mendapatkan perkhidmatan ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar baru dan kadarnya lebih tinggi bagi pengambilan sesi Julai. Masalah yang sering dihadapi oleh pelajar ialah masalah untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus. Bagi pelajar-pelajar tahun akhir, khidmat kaunseling diperlukan bagi mendapatkan maklumat kerjaya.

Pelajar perempuan lebih ramai mendapatkan khidmat kaunseling berbanding pelajar lelaki iaitu seramai 192 berbanding 67 orang dan dari segi bangsa pula, bangsa Melayu adalah yang teramai iaitu 172 diikuti kaum Cina 51 orang dan 36 orang India. Pembahagian pelajar-pelajar yang mendapatkan khidmat kaunseling adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6 : KATEGORI MASALAH PELAJAR

BIL KES	JENIS KES
20	Kesihatan
25	Kewangan
1	Hiburan
85	Sosial
130	Peribadi
2	Seks
20	Keluarga
3	Moral dan Agama
103	Pengajian
57	Kerjaya
7	Pengajaran
2	Lain-lain

CARTA 5 : KATEGORI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PELAJAR



Recruiter's Month

Program ini merupakan program tahunan yang diadakan oleh Unit Kaunseling dan Kerjaya. Program ini biasanya diadakan dari bulan Januari hingga Mac setiap tahun dan sambutan dari pihak majikan sangat menggalakkan. Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar untuk mendapatkan kerja dan merancang kerjaya mereka sebelum tamat pengajian.

Seminar Kesedaran dan Keusahawanan

Seminar ini telah diadakan pada 5 Ogos 1995 dimana seramai 65 orang peserta telah menghadiri seminar ini. Seminar tersebut adalah merupakan sebahagian dari Modul Program Pembangunan Usaha Siswa (PPUS).

Kursus Motivasi Keusahawanan

Kursus ini telah diadakan pada 24 - 26 Ogos 1995 dan dikendalikan sepenuhnya oleh Human Resource Academy Sdn. Bhd. dimana 25 orang peserta telah menghadiri kursus ini. Kursus ini bertujuan untuk memberikan beberapa input tentang keusahawanan dari segi kepimpinan, kemahiran, komunikasi dan tuntutan Islam dalam dunia perniagaan.

Unit Sukan

Unit Sukan memainkan peranan penting dalam menguruskan aktiviti sukan di universiti bagi melahirkan ahli sukan yang berkualiti disamping menganjurkan aktiviti-aktiviti sukan di universiti. Ramai ahli sukan yang mengukir nama diarena sukan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa adalah merupakan bekas pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia.

Pusat Kesihatan Pelajar

Pada tahun 1995 Pusat Kesihatan Pelajar menerima 36,179 pesakit dimana 93% adalah dikalangan pelajar. Dari jumlah di atas, 33,995 kedatangan pesakit menerima rawatan di klinik perubatan dan 4,184 kedatangan pesakit menerima rawatan di klinik pergigian. Seramai 347 pesakit telah dirujuk di hospital dan 66 pesakit dimasukkan ke dalam wad untuk rawatan lanjutan. Di wad Pusat Kesihatan Pelajar seramai 60 pelajar dimasukkan kerana masalah penyakit berjangkit. 537 orang pesakit mendapat rawatan akibat kecederaan kemalangan jalanraya dan 224 orang pesakit kerana kecederaan sukan. Pendapatan Pusat Kesihatan Pelajar bagi tahun 1995 adalah sebanyak RM61,549.




PENYELIDIKAN DAN ANUGERAH

Penyelidikan

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) adalah aktiviti penting yang mendapat perhatian dan sokongan dari pihak universiti. Dalam tahun 1995, projek penyelidikan di bawah peruntukan mekanisma IRPA adalah sebanyak 134 projek. Ianya melibatkan peruntukan sebanyak RM 10.2 juta. Pecahan bilangan projek mengikut sektor adalah seperti yang ditunjukkan dalam Carta 6.

Carta 6 : Bilangan projek mengikut sektor



Peruntukan IRPA yang diluluskan mengikut sektor seperti jadual di bawah:

Sektor	Bil Projek	Peruntukan
Pertanian	71	6,617,635
Perindustrian	16	1,176,550
Perubatan	1	83,000
Strategik	26	1,615,000
Sains Sosial	20	699,921

Bagi penyelidikan jangka pendek pada 1995, Jawatankuasa Penyelidikan telah meluluskan sebanyak 204 projek penyelidikan dengan jumlah peruntukan yang diagih sebanyak RM 1,286,022.

Anugerah Reka Cipta dan Penyelidikan

Universiti Pertanian Malaysia buat pertama kalinya mengadakan Pameran dan Anugerah Reka Cipta dan Penyelidikan. Ianya adalah bertujuan untuk menyenaraikan aktiviti-aktiviti bagi mengiatkan usaha-usaha penyelidikan dan seterusnya mendedahkan penemuan penyelidikan yang dicapai oleh penyelidik. Ini adalah selaras dengan pelan tindakan yang telah digubal oleh Universiti. Pemenang-pemenang bagi Anugerah Reka Cipta adalah :

Pemenang pertama, Dr. Mansor Hashim, bagi reka cipta "Generative Master Formula for Technological Soft Ferrite".

Pemenang kedua, Dr. Azni Idris, dengan reka cipta "Biofilter Technology for Waste treatment"

Pemenang ketiga, En. Badlishah Sham Baharin, dengan reka cipta "Pemisihan Karoten daripada Minyak Kelapa Sawit"


Manakala pemenang-pemenang bagi Penyelidikan adalah seperti berikut :

Tempat pertama dimenangi oleh penyelidikan yang bertajuk "*Chemical Modification of Lipase and its Immobilization on Organic Polymer Beads for use in Organic Synthesis*" yang dianggotai oleh seramai 4 orang pensyarah dari Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar. Mereka adalah Dr. Mahiran Basri; Dr. Abu Bakar Salleh; Dr. Wan Zin Wan Yunus dan Dr. Che Nyonya Abd. Razak.

Tempat kedua dimenangi oleh Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan yang dianggotai oleh Prof. Dr. Abdul Salam Abdullah; Prof. Madya Dr. Mohd. Ali Rajion dan Prof. Dr. Nordin Hj. Lajis dengan penyelidikan mereka bertajuk "*Signal Grass (Brachiaria Decumbens) Toxicity in Sheep*".

Tempat ketiga dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Yaakob Che Man; Prof. Madya Dr. Hasanah Mohd. Ghazali dan Phyi Zaw Swe dengan penyelidikan mereka yang bertajuk "*Study of Composition & Polymorphism of Palm Olein Crystals*".

Selain menerima anugerah penyelidikan, kecemerlangan dan sumbangan ahli-ahli akademik universiti dalam bidang masing-masing mendapat pengiktirafan oleh badan-badan universiti.



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN

Dalam tahun 1995 terdapat sebanyak 4309 jawatan di Universiti Pertanian Malaysia. Pembahagian jawatan mengikut kategori adalah seperti berikut :

Kumpulan	Jawatan 1995
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	4
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	1428
Kumpulan Sokongan	2877
JUMLAH	4309

Perlantikan dan Kenaikan Pangkat

Seramai 236 orang telah dilantik mengisi jawatan kosong yang terdiri dari 202 orang jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional , manakala 34 orang ke jawatan dalam Kumpulan Sokongan. Perlantikan ke jawatan baru ini terdiri dari jawatan yang bertaraf tetap, kontrak dan sementara berdasarkan kekosongan menggantikan penyandang yang bersara, meletak jawatan, dinaikkan pangkat atau dilantik semula ke jawatan baru dalam skim perkhidmatan yang lain .


Dalam urusan kenaikan pangkat seramai 20 orang Pensyarah dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya (Gred DS1) dan 10 orang ke jawatan Profesor (Gred VK7), manakala 2 orang dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang lain juga dinaikkan pangkat. Bagi Kumpulan Sokongan pula, seramai 5 orang dinaikkan pangkat dalam skim perkhidmatan sama .

Perletakan Jawatan dan Persaraan

Seramai 84 orang staf Universiti Pertanian Malaysia telah meletak jawatan. Mereka terdiri dari 38 orang dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 46 orang dalam Kumpulan Sokongan. Kebanyakan perletakan jawatan ini disebabkan mendapat tawaran pekerjaan baru di organisasi lain

Di bawah peruntukan pencen bagi pekerja-pekerja dalam pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan, seramai 57 orang staf Universiti Pertanian Malaysia telah bersara dari perkhidmatan masing-masing, iaitu 18 orang dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 39 orang dalam kumpulan Sokongan .

CARTA 7 : SUMBER MANUSIA UPM 1995



Latihan

Di bawah program pembangunan profesionalisma akademik yang dikendalikan oleh Jabatan ini, seramai 21 orang tenaga pengajar telah diluluskan cuti belajar melanjutkan pelajaran ke program sarjana dan 47 orang lagi mengikuti program Ph. D. Disamping itu seramai 28 orang Pensyarah diluluskan cuti sabbatical .

Perkhidmatan Cemerlang

Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang telah diadakan pada 5 Julai 1995 di mana Yang Berbahagia Naib Canselor telah menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 136 orang staf Universiti Pertanian Malaysia di hari tersebut.



LAPORAN AKADEMIK FAKULTI/PUSAT/JABATAN

Pusat Pengajian Siswazah

Kegiatan utama pengajian siswazah bagi tahun 1995 ialah mengadakan 'retreat' untuk membincangkan pelan korporat bagi pengajian siswazah di Pulau Langkawi pada 3 hingga 6 Ogos 1995. 'Retreat' tersebut telah menghasilkan penetapan-penetapan mengenai matlamat, objektif serta pelan strategik untuk pembangunan masa depan.

Pada tahun ini, Pusat Pengajian Siswazah juga telah mengambil bahagian dalam Ekspo Pendidikan dan Latihan 1995 di Jakarta, Indonesia yang dianjurkan oleh Departmen Pendidikan, Indonesia pada 2 hingga 10 Mei, 1995. Maklumat-maklumat mengenai peluang-peluang pengajian siswazah di UPM telah dapat disebarakan melalui ekspo tersebut.

Program Pendidikan Jarak Jauh

Tahun 1995 memperlihatkan perkembangan baru UPM iaitu melangkah setapak lagi dengan memperkenalkan Program Pendidikan Jarak Jauh. Melalui program ini tiga kursus yang ditawarkan iaitu Bachelor Sains Komputer, Bachelor Pendidikan dan Master Sains Pembangunan Sumber Manusia.

Program Pendidikan Jarak Jauh Bachelor Sains Komputer memperkenalkan teknologi baru dalam teknologi pendidikan iaitu pendidikan menggunakan internet. Pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ini tidak perlu menghadiri kuliah, mereka hanya perlu menggunakan komputer untuk berinteraksi bagi mendapatkan maklumat.

Perjanjian Persefahaman telah dibuat dengan Celcom dan Yayasan Pelajaran MARA bagi melicinkan lagi pengurusan program tersebut. Pusat Perkembangan dan Pendidikan Lanjutan memainkan peranan dalam hal ini bagi mengkoordinasikan kursus-kursus yang ditawarkan.

Pusat Islam

Pusat Islam memainkan peranan penting dalam membentuk nilai yang murni dikalangan kakitangan dan pelajar Universiti Pertanian Malaysia dan berperanan sebagai Pusat Kegiatan Pendidikan Kerohanian bagi

para pelajar Islam sesuai dengan kedudukan mereka sebagai bakal pemimpin masyarakat dan negara pada masa depan.

Pusat Islam yang berperanan menjadi tempat perhimpunan bagi tujuan ibadat, pendidikan, perbincangan melalui forum, syarahan, perbahasan dan seminar serta penyebaran ilmu pengetahuan Islam kepada semua anggota masyarakat Islam di Kampus UPM.

Berbagai aktiviti telah diadakan oleh Pusat Islam sepanjang tahun 1995 seperti Sirah Nabi, Tafsir Al-Quran, Tasawmul, Fikah Islam, Syarahan, Ceramah dan sebagainya.





Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan

Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan berusaha untuk menyediakan latihan prasiswazah dan siswazah, dan Pendidikan Lanjutan di dalam sains Veterinar dan Sains Bioperubatan dan mengekalkan keunggulan dan kepimpinan di bidang-bidang tersebut .

Fakulti ini mempunyai 3 jabatan dan beberapa unit seperti berikut :

- i. Jabatan Sains Peternakan
- ii. Jabatan Patologi dan Mikrobiologi Veterinar
- iii. Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar
- iv. Unit Mikroskopi Elektron Universiti
- v. Pusat Ternakan Haiwan dan Kajian Penyakit Tropika (CENTRAS)

Pada tahun 1995, Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan telah menawarkan Program Bachelo Sains (Sains Bioperubatan) disamping program yang sedia ada seperti :

- a) Pra siswazah
 - Doktor Perubatan Veterinar (D.P.V.)
 - Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan
- b) Siswazah
 - Master Sains (M.S.)
 - Master Sains Veterinar (M.V.Sc.)
 - Master Perubatan Veterinar (M.V.M.)
 - Doktor Falsafah (Ph. D.)


Kepesatan perkembangan ekonomi kebelakangan ini meningkatkan lagi keperluan Veterinawan di sektor swasta, seperti industri ayam dan itik. Ini adalah bertepatan dengan objektif fakulti iaitu untuk menyumbang secara berkesan terhadap pengamal-pengamal Veterinar dan mereka yang terlibat di dalam industri ternakan di sektor swasta dan awam .

Fakulti Kejuruteraan



Pada peringkat permulaan Fakulti Kejuruteraan menawarkan kursus-kursus dalam bidang Kejuruteraan Pertanian, Perkembangan yang pesat dalam teknologi Kejuruteraan Mekanikal, Komputer dan Pembinaan telah mengerakkan Fakulti Kejuruteraan beralih arah untuk menawarkan kursus-kursus dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektronik dan Komputer, Kejuruteraan Angkasa dan Kejuruteraan Robotik



Walau bagaimanapun Fakulti Kejuruteraan masih lagi aktif dalam bidang Pendidikan Pertanian bagi meningkatkan perkembangan teknologi pertanian di negara ini disamping menemui keperluan bagi tenaga terlatih dalam kejuruteraan, khasnya untuk membantu dalam kerja-kerja pembangunan infrastruktur dan industri-industri pembuatan dan pengeluaran.



Pada peringkat permulaan, kebanyakan projek penyelidikan di biyai oleh Universiti, tetapi kini beberapa buah firma dan pertubuhan antarabangsa telah menunjukkan minat untuk membiayai sebahagian daripada projek- projek yang dijalankan. Selain dari penyelidikan, Fakulti Kejuruteraan juga terlibat dalam kerja-kerja pembangunan dan perundingan untuk badan-badan kerajaan dan pihak swasta dan juga mengadakan kursus-kursus jangka pendek.



Fakulti Perhutanan

Fakulti Perhutanan diwujudkan pada tahun 1971 dan mempunyai tiga fungsi asas iaitu Pendidikan, Penyelidikan dan Pengembangan. Ianya menawarkan kursus dalam bidang perhutanan pada peringkat profesional dan separa - profesional untuk memastikan pengurusan hutan yang lebih profesional di negara ini.

Program-program yang ditawarkan oleh fakulti adalah Diploma Perhutanan, Bachelo Sains Perhutanan dan Ijazah Lanjutan, Bachelo Sains (Perhutanan) telah memulakan pengambilan kumpulan pelajar yang pertama pada bulan Jun 1987/88 iaitu khusus dalam bidang Pengurusan Hutan dan Industri Perakayuan. Pengkhususan ketiga iaitu Pengurusan Taman Rekreasi telah pun ditawarkan mulai sesi akademik 1993/94. Program Diploma Perhutanan telah melaksanakan kurikulum baru mulai sesi akademik 1987/88.

Makmal khas telah disediakan untuk mempelajari sifat-sifat fizikal dan kimia tanah, fisiologi pokok, Ceimia Kayu, patologi, entomologi, rekreasi, teknologi palpa, kertas dan teknologi pemprosesan kayu. Sebuah tapak semaian, rumah tanaman, loji pengawetan kayu dan loji pengeringan tanor .

Bagi keperluan praktik, beberapa jabatan perhutanan Negeri telah memberi kebenaran kepada fakulti untuk menjalankan penyelidikan di beberapa kawasan hutan simpanan di negeri berkenaan bagi tujuan pembangunan hutan di negeri tersebut .

Bangunan fakulti mempunyai 17 buah makmal untuk pengajian dan penyelidikan. Pejabat Pentadbiran, satu Bilik Seminar, empat bilik kuliah, sebuah dewan kuliah, bilik mesyuarat, sebuah bengkel dan sebuah Pusat Sumber .



Fakulti Perikanan dan Sains Samudera

Fakulti Perikanan dan Sains Samudera mempunyai bangunan sendiri di Kampus Induk UPM, Serdang. Di samping itu terdapat Pusat Perikanan dan Sains Samudera di Pantai Mengabang Telipot, Kuala Trengganu dan Pusat Oscanografi Pantai dan Kajian Matrikulasi (COMAS) di Port Dickson. Ketiga-tiga tempat tersebut dilengkapi dengan makmal penyelidikan dan Dewan Kuliah. Terdapat juga Unit penetasan ternakan laut di Pusat Perikanan dan Sains Samudera, Kuala Trengganu dan sebuah lagi di Port Dickson.

Fakulti Perikanan dan Sains Samudera mempunyai beberapa objektif di antaranya ialah :

- Mengeluarkan tenaga manusia yang terlatih dalam bidang Sains Samudera untuk memenuhi keperluan dan aspirasi negara bagi memaju, mengeksplotasi dan mengurus sumber laut dengan lebih berkesan.
- Menerajui pembangunan akademik dalam bidang ini dengan menyatupadukan pengetahuan terkini dan hasil-hasil penyelidikan
- Menyokong usaha pembangunan Industri yang berasaskan sumber laut melalui peningkatan kepakaran dalam bidang ini
- Meningkatkan lagi sumbangan Fakulti dalam penyebaran ilmu dengan mengadakan kursus Sains Samudera di peringkat Bachelar Sains



Fakulti Pertanian

Di tubuhkan pada tahun 1971 dan mengandungi tiga jabatan iaitu :

- Jabatan Agronomi dan Hortikultur
- Jabatan Perlindungan Tumbuhan
- Jabatan Sains Tanah

Fakulti Pertanian menawarkan program pengajian pada peringkat Diploma, Ijazah dan Ijazah Lanjutan :

- Diploma Pertanian
- Bachelar Sains Pertanian
- Bachelar Sains Hortikultur
- Master Sains Pertanian
- Doktor Falsafah

Fakulti Pertanian mempunyai makmal-makmal pengajaran dilengkapi dengan peralatan yang sesuai dalam Bidang Agronomi dan Hortikultur, Sains Tanah dan Perlindungan Tumbuhan Makmal-Makmal Penyelidikan dilengkapi dengan alat-alat moden untuk penggunaan Bahan Radioaktif dan Isotop Stabil, Nautron Prap, X-ray, Diffraction, Autoanalyzer, Gas Chromatograph, komputer dan lain-lain.

Fakulti juga menyediakan kawasan penyelidikan luar, di Kampus UPM Serdang dan Ladang UPM, Puchong. Ini termasuk juga kompleks rumah kaca, hidroponik dan 'Insectory'.



Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar

Matlamat Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar adalah untuk memberi latihan akademik dan profesional dalam disiplin sains untuk memenuhi keperluan negara dalam pengetahuan kepakaran sains dan Pengajian Alam Sekitar .

Sejak penubuhannya, fakulti ini telah berkembang dengan pesatnya dan pada hari ini ia telah mempunyai pegawai akademik yang berkelayakan dan mempunyai bidang kepakaran masing- masing untuk disalurkan kepada pelajar-pelajar yang mana berguna dalam pengajian mereka di peringkat Universiti .

Dalam bidang penyelidikan, seramai 2 orang penyelidik telah mendapat geran Malaysia Toray Science Foundation 1995. Penyelidik di Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar merangkumi bidang Sains dan Teknologi Antarabangsa.

Fakulti Ekologi Manusia

Fakulti Ekologi Manusia ditubuhkan dengan berteraskan falsafah bahawa manusia adalah ciptaan Tuhan dan pemegang amanahnya, serta mempunyai potensi untuk menyempurnakan aspek-aspek fizikal, intelektual, sosial, emosi, moral dan kerohanian dari kesejahteraan individu, keluarga, masyarakat dan persekitaran.

Terdapat 5 jabatan dibawah Pentadbiran Fakulti ini. Jabatan-jabatan tersebut adalah Jabatan Pemakanan dan Kesihatan Komuniti (JPKK), Jabatan Pengajian Pengajian Pembangunan Sosial (JPSS), Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna (JPSPP) dan Unit Tamadun Islam (UTI). Kesemua jabatan ini bertanggungjawab menjalankan tugas pengajaran, penyelidikan dan perundingan dalam bidang masing-masing.

Seperti fakulti-fakulti lain, fakulti ini juga menawarkan program di peringkat Diploma, Bacheloer dan Siswazah. Program Diploma Pembangunan Manusia dan Bacheloer Sains (Pembangunan Manusia) digubal berasaskan kepada perkembangan bidang Ekologi Manusia. Program Bacheloer Sains (Pemakanan dan Kesihatan Komuniti) berfalsafah bahawa kesejahteraan individu, keluarga dan komuniti boleh dipertingkatkan melalui pendidikan, penyelidikan dan pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan manusia.

Fakulti ini juga bertekad dan berazam untuk mencapai kecemerlangan dan keunggulan dalam pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu dalam bidang Ekologi Manusia.



Pusat Pengajian Matrikulasi

Program Matrikulasi UPM telah dijalankan di lima cawangan berikut :

- Kolej MARA Kulim (KMR)
- Emile Woolf Colloge Kuala Lumpur (EWC)
- UPM Trengganu (UPMT)
- Yayasan Pelajaran MARA Kota Bahru, Kelantan (YPM)
- Pusat Matrikulasi Cernai Jaya , Kota Samarahan , Sarawak (PMCJ)

Program Matrikulasi meliputi tempoh pembelajaran selama empat semester dalam dua sesi akademik. Pada tahun 1995, Program Matrikulasi Pantas, Program Matrikulasi Sains Peralihan, Program Kenaikan Khas telah diperkenalkan .

Program Matrikulasi Pantas ditawarkan kepada pelajar lepasan SPM . Program ini bertujuan menarik lebih ramai pelajar yang mempunyai keputusan SPM yang cemerlang untuk mengikuti program Matrikulasi UPM . Program Kenaikan Khas ke Program Bacelor UPM ditawarkan kepada pelajar tahun satu Matrikulasi Sains yang memperolehi CAG 3.20 dan ke atas.

Bagi mengatasi kekurangan calon Sains Bumiputra SPM, program Matrikulasi Sains Peralihan selama 6 bulan dijalankan. Perubahan struktur ini adalah sebagai satu usaha menentang dan mengemaskinikan lagi program Matrikulasi Universiti Pertanian Malaysia.



Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi

Di Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi, kita dapat melihat makmal dengan kelengkapan yang terbaik di negara ini. Fakulti ini juga menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan dan keperluan untuk industri permakanan samada yang besar, sederhana dan kecil. Kelengkapan makmal yang sebegini dapat memenuhi keperluan pelajar-pelajar di fakulti ini.

Program yang ditawarkan seperti Bacelor Sains dan Teknologi Makanan, Bacelor Sains (Bioteknologi) dan kedua-dua program ini bernaung di bawah Jabatan Teknologi Makanan dan Jabatan Bioteknologi.



Fakulti Pengajian Pendidikan

Fakulti Pengajian Pendidikan menawarkan program pengajian Bachelo Pendidikan dalam 6 bidang pengkhususan iaitu Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama, Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua, Sains Pertanian, Sains Rumahtangga, Pendidikan Jasmani dan Bimbingan dan Kaunseling. Fakulti juga menawarkan program pengajian Master dan Ph.D dengan pengkhususan dalam pelbagai bidang Pendidikan, Pengajaran Bahasa dan Kesusteraan.

Fakulti juga menyediakan beberapa jenis perkhidmatan sokongan seperti :

Unit Teknologi Maklumat yang memberikan kemudahan peralatan bagi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pengembangan di samping dua buah makmal bagi pengajaran mikro.

Pusat Sumber yang menyediakan kemudahan sumber maklumat yang terdiri daripada jurnal, buku, majalah, tesis dan bahan bacaan lain khususnya yang berkaitan dengan bidang pendidikan, bahasa dan kesusteraan.

Makmal Komputer sebanyak dua buah yang dilengkapi dengan peralatan moden bagi kegunaan pelajar.

Fakulti ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lain untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Unit Pendidikan Jasmani dilengkapi dengan Gimnasium, Studio Tarian, Makmal Fisiologi Senaman dan sebagainya. Unit Pendidikan Vokasional dilengkapi dengan Makmal Penjagaan Diri, Makmal Persediaan Pakaian, Makmal Persediaan Makanan dan Pemakanan, Makmal Katering dan Makmal Sains Pertanian.



Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Fakulti Ekonomi Pengurusan menawarkan 4 program pengajian Bachelo iaitu Bachelo Perakaunan, Bachelo Perakaunan dan pendidikan, Bachelo Pentadbiran Perniagaan, Bachelo Ekonomi dan Bachelo Sains (Perniagaantani). Program-program ini bertujuan untuk melahirkan graduan-graduan yang profesional dalam bidang pendidikan, perakaunan, perniagaan dan ekonomi.

Kekuatan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan ialah kualiti dan bilangan tenaga pengajar yang sedia ada dimana tenaga pengajar di fakulti bukan sahaja mempunyai pengalaman yang luas dalam aktiviti pengajaran tetapi juga dalam kegiatan penyelidikan dan perundingan. Fakulti mempunyai 6 orang Profesor, 19 orang Profesor Madya, 17 orang memiliki Ph.D dan 25 orang memiliki Master. Sementara itu fakulti juga mempunyai 3 orang profesional dalam bidang perakaunan dan 2 orang dalam bidang undang-undang.

Fakulti juga menyediakan kemudahan pengajaran dan pengkomputeran yang serba lengkap dan terkini. Selain itu, sistem semesta yang fleksibel memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk membuat pilihan mengenai kursus yang ingin diikuti setiap semester

Fakulti Pengajian Bahasa Moden

Fakulti Pengajian Bahasa Moden adalah merupakan fakulti yang termuda sekali di UPM dimana ia ditubuhkan pada 4 Januari 1995 melalui peningkatan Jabatan Bahasa di Fakulti Pengajian Pendidikan. Fakulti ini diberikan tugas untuk mengendalikan program Bachelo Sastera.

Fakulti ini menawarkan tiga program pengajian Bachelo Sastera dimana pengkhususan dalam Bahasa dan Linguistik Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Asing. Dibawah Jabatan Bahasa Asing, fakulti menawarkan Bachelo Sastera dalam beberapa bahasa asing bermula dengan Bahasa Mandarin, Perancis, Arab, Sepanyol, Jepun dan Thai. Selain dari itu, fakulti juga membantu Fakulti Pengajian Pendidikan dalam mengendalikan program Bachelo Pendidikan disamping mengendalikan program ijazah lanjutan.



KHIDMAT SOKONGAN

Pusat Komputer

Universiti Pertanian Malaysia telah bergerak aktif dalam Pembangunan Sistem Maklumat berkomputer. Sistem-sistem yang telah dilaksanakan di Universiti Pertanian Malaysia termasuklah Sistem Maklumat Kakitangan (SMK). Modul-modul yang telah siap dan digunakan iaitu Pendaftaran Staf Baru, Senggaraan Rekod Staf dan Modul Perubatan Kakitangan. Di bawah sistem maklumat Pengurusan Kewangan (SMPK), aplikasi yang telah dibangunkan dan diguna pakai iaitu Sistem Pembelian, Pengendalian Voucher, Cetakan Cek, Lajer Am, Akaun Penerimaan dan Akaun Pendahuluan.

Sistem Rangkaian Universiti (UPMNET) telah dilaksanakan meliputi hampir 80% kampus. Ia melibatkan gentian optik sejauh 20km dengan menggunakan teknologi ATM. Home Page UPM telah dibangunkan bagi memastikan maklumat am dan kampus bagi hebahan umum. Ini adalah selaras dengan pembangunan teknologi maklumat Universiti Pertanian Malaysia melalui Pembangunan Lebuh raya Maklumat Kampus.



Perpustakaan

Tahun 1995 menandakan satu perubahan besar dalam pucuk pimpinan perpustakaan, bilamana Puan Kamariah Abdul Hamid mengambil alih jawatan Ketua Pustakawan bagi menggantikan Tuan Syed Salim Agha yang bersara pada bulan Mei 1995. Ketua Pustakawan baru mengekalkan struktur organisasi yang wujud dan berusaha memastikan aktiviti dan program yang dirancang bagi tahun 1995 dilaksanakan dengan sempurna dan berjaya mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Bersempena dengan Hari Q Perpustakaan 1995 yang telah diadakan pada 16 Disember 1995, Ketua Pustakawan telah melancarkan Panduan dan Etika Kerja. Panduan ini diterbitkan dalam bentuk buku dan diberikan kepada semua kakitangan pustakawan untuk kegunaan dan rujukan. Buku panduan dan etika kerja ini diharap memberi kesedaran dan dihayati sepenuhnya oleh kakitangan, supaya etika kerja yang baik dapat diamalkan sepanjang masa demi menjaga prestasi dan imej perpustakaan.

Seramai 4 orang pustakawan, seorang Pereka, seorang pembantu Tadbir (kesetiausahaan) dan seorang Pembantu Tadbir Rendah (jurutaip) telah dilantik. Seorang Pustakawan Tingkatan Tertinggi dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Pustakawan manakala seorang Pustakawan dinaikkan pangkat ke jawatan Pustakawan Tingkatan Tertinggi.

Bahagian Ladang

Bahagian Ladang Universiti Pertanian Malaysia merupakan bahagian yang menguruskan ladang dan ternakan di Universiti Pertanian Malaysia. Bahagian ini juga menyediakan kursus-kursus tertentu kepada pelajar-pelajar yang mengambil program Bac. Pendidikan Sains Pertanian, Diploma Perniagaantani, Diploma Pembangunan Manusia, Diploma Pertanian, Diploma Perikanan, Diploma Kedokteran Haiwan & Sains Peternakan dan Diploma Kejuruteraan Pertanian.

Sepanjang tahun 1995 berbagai aktiviti dijalankan diantaranya ialah Kursus Hotrikultur Landskap, Kursus Garis Panduan Tanaman Pepagar, Kursus Penyelenggaraan Mesin Kecil, Seminar Penggunaan "Effective Microorganism), Seminar "View and Vision" dan Kursus Pengenalan kepada "Windows Setting"

Terdapat 5 cawangan di Bahagian Ladang iaitu Cawangan Tanaman Perdagangan, Cawangan Hotrikultur, Cawangan Pengurusan Perosak, Cawangan Ternakan, Cawangan kejenteraan dan Pejabat Direktorat dimana terdapat 401 pegawai dan kakitangan yang menguruskan bahagian tersebut.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Sepanjang tahun 1995, Universiti Pertanian Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan agensi-agensi berikut :

28 Januari

The International Center for Living Aquatic Resources Management (ICLARM)

13 Februari

The University of Khartoum , Sudan

30 Mac

The University of Birmingham (UOB)

18 Mei

Institut Teknologi MARA (ITM)

18 Mei

Yayasan Pelajaran Mara (YPM)

19 Mei

Emile Woolf College of Malaysia (EWCM)

5 Jun

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

19 Jun

Worldview International Foundation (WIF)

26 Jun

Charles Sturt University

7 Julai

The Ministry of Jihad - E - sazandegi of The Islamic Republic of Iran

25 Julai

Universitas Andalas , Indonesia

28 Julai

Yayasan Pelajaran Mara (YPM)

3 Ogos

Sesama Medical College Management Sdn. Bhd.

26 Ogos

Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)

29 Ogos

Frank small Management Centre Sdn. Bhd.



29 Ogos

Tenaga Nasional Berhad (TNB)

6 September

Telekom Malaysia Berhad (TNB)

7 September

Yayasan Sabah

25 September

Hume Fibreboard Sdn. Bhd.

7 Oktober

Asia Pacific Smelt Sdn. Bhd.

19 Oktober

Institute of Technology Petronas Sdn. Bhd.

20 Oktober

Cellular Communications Networks (Malaysia)

24 Oktober

Pusat Pendidikan Lanjutan Sdn. Bhd. (CCE)

24 Oktober

University of Georgia

25 Oktober

Dublin City University (DCU)



PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Pelawat Ke UPM

Januari

- 7 - Dr. Pracob Cooporat
Chulalongkorn University , Thailand
- 8 - 8 orang Delegation of Educational Professional,
Vietnam

Februari

- 10-16 - Prof. Hashim Mohamed El- Hadi
Vice-Chancellor, University of Khartoum, Sudan
- 16 - Mr. Masanobu Ueda, MAFF , Japan
- Mr. Akira Higuchi , JIRCAS , Japan
- 19-24 - Prof. Keisuke Taira
Mr. Shiro Higashino
Mr. Mitsuji Ikeda , ORI University of Tokyo, Japan
- 23 - Mr. Hiroshi Osari , MAFF , Japan
- Mr. Mashahi Tachikawa, Researcher of Reginol
Planing, Japan

Mac

- 21 - Prof. B.G. Wilson
Prof. Alan Rix , The University of Queensland,
Australia
- 23 - H.E. Mohammad Taghi Amanpour, The Ministry of
E- Sazandegi of The Jihad Islamic Republic of Iran
- 24 - Mr. Taiichi Nakazawa , JIRCAS , Japan
- 31 - Ms. Julia Thomas , University of Birmingham ,
United Kingdom
- Prof. Dr. David Barrat , Hartpury College of
Agriculture , United Kingdom

April

- 6-7 - Prof. Dr. Ir. Muchlis Muchtar
Drs. Azamril Basir , Universitas Andalas, Indonesia
- 19 - Prof. Dr. Gavin Brown , Vice - Chancellor ,
University of Adelaide, Australia
- 19-20 - Dr. Dennis Blight , IDP , Australia
- 23-30 - Prof. Prapin Manomairibool
Prof. Navavan Bandhmedha , Chulalongkorn
University , Bangkok Thailand
- 27 - H.E. John P. Bell
Mr. Terry Beckman, Canadian High Commission
- Dr. James Downey
- Dr. Roger Downer , University of Waterloo Ontario,
Canada





Mei

3 - 50 orang dari Korea Selatan

Jun

2 - SUSPIM XII - MARSMA TNI Drs. Abdul Hadi dan Rombongan Widya Wisata Luar Negeri - Lemhannas, Indonesia

8 - Prof. Dr. Vu Van Tao
Prof. Dr. Vu Trong Ry
Prof. Dr. Hoang Van Hao
Mr. Nguyen Chu Phac
Mr. Pham Ngoc Hai
- Pegawai Kanan Kementerian Pendidikan dan Latihan, Republik Sosialis Vietnam

10 - Sir John Dainel dan Lady Daniel, Open University, United Kingdom

14 - H.E. David Moss, British High Commissioner
Mr. Andrew Martin, Acting Director, British Council

18 - Dr. Tarcisius Chin serta 42 ahli serta keluarga dari Malaysian Institute of Management (MIM)

18-29 - Mrs. Patricia Gane, Middlesex University, United Kingdom

Julai

8 - Dr. John Hinch Cliff
Mr. David Brook, Institute of Technology, Auckland

23-26 - Dr. Barry N. Perry, Institute of Food Research, United Kingdom

25-27 - Prof. Dr. Ir. H. Fachri Ahmad
Dr. Ir. Djaswir Zein
Prof. Dr. Abdul Aziz Saleh
Prof. Ir. Azinar Kamaruddin
Ir. Sahili Dt. Gn. Putih
Prof. Dr. Ir. Mucjis Muchtar
Dr. Ir. Bujang Rusman
- dari Universitas Andalas, Indonesia

24 - Prof. Les Holborow
Mr. David Taylor
Ms. Dolly Seow
- dari University of Victoria, New Zealand

25 - Lawatan 7 orang pelajar dari Fukuoka Prefectural Asakura Agricultural High School

Ogos

- 4 - Prof. Naohiro Soga , Mrs. Soga
 Prof. Makoto Ikegami
 Dr. Susumu Onaka
 Mr. Yasuhiro Sano
 Ms. Masako Utami
 - dari Kyoto University , Japan
- 8 - Lawatan 20 orang pelajar -pelajar Universiti -
 Universiti terkemuka Korea
- 10 - Dr. Mitsuhiro Nakagawa
 Dr. Ishida , JIRCAS , Japan
- 15 - Lawatan dari Tri State University Indiana , USA
- 23 - Lawatan dari Dekan - Dekan Fakulti Kejuruteraan ,
 Australian Universities
- 23 - 24 - Assoc. Prof. Dr. Ahnon Tiangtrong , Presiden Maejo
 University , Thailand
- 30 - Dr. Yuwa Hedrick Wong , Canadian Advanced
 Medical Services International

September

- 6 - Prof. Dr. Geraldine Kenney - Wallace
 Prof. Dr. Stephen Wallace , University Toronto ,
 Kanada
- 7 - Prof. Charles Blake, Vice- Chancellor, Charles Stuart
 University
- 14 - Lawatan 19 orang Profesor dari Department of
 Agricultural, University Korea
- 21-23 - Mr. Tom Pincock
 Mr. Liam Horgan, Sabree Consult Indonesia
- 25 - H.E. Mr. Surapong Posayanond ,
 Royal Thai Embassy
- 26 - Mr. Tran Ngoc Thu
 Mr. Vu Quang Mon
 Mr. Nguyen Duc Nghia
 Mr. Ha Cong Rung
 Mr. Ta Quoc Trung
 - The Socialist Republic of Vietnam

Oktober

- 2 - Prof. Hayashi
 Prof. Ishizaki
 Miss Yukiko Nakajima dan pelajar dari Ritsumeikan
 University, Japan
- 4 - Prof. Kensaku Kanda
 Prof. Madya Tama
 Prof. Madya Shibuya dari Fakulti Pertanian, University
 Hirosaki, Japan





- 4 - Mr. Raul Fernandez , The Embassy of Chile
- 5 - H.E. Ms. Gorel Bohlin
Mr. Tore Karlsson
Mr. Anders Forsberg
Mr. Per Moberg
- dari Vasterbotten County, Sweden
- 6 - Prof. Dr. Tony Ridley , Institution of Civil Engineers ,
United kingdom
- 10 - Rombongan dari Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan
(IKIP), Bandung , Indoncsia
- 13 - Mr. Masami Sakamoto
Mr. Kazuo Endo
Mr. Katsuyuki Mitsui
- dari Japan International Research Center for Agri
culture Sciences, Japan
- 17 - Prof. Robert Green
Dr. David Parkinson
Mr. Robert Woodward
Mr. Geoff Smith
- Research team from The Sheffield Hallam University,
United Kingdom
- 24 - Prof. Dr. Peter Douglas , University of Waterloo, Canada
- 24 - Prof. Fuad Sheikh Salem , The Hashemite Kingdom
of Jordan
Mr. Yassin I. Sartawi dari Philadelphia University dan
Tuan Hj. Idrus Ruddin dari IKIP , Pahang .
- 25 - Dr. Daniel O' Hare
M.S.J. Hashmi dari The Dublin City University.
- 27 - M.S. Jasimuddin , Commonwealth Secretariat ,
United Kingdom



SYARAHAN INAUGURAL DAN KULIAH AWAM

SYARAHAN INAUGURAL

21 Januari 1995

Prof. Dr. Md. Nordin Hj. Lajis

' Fine Chemicals from Biological Resources : The Wealth from Nature '

25 Februari 1995

Prof. Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman

' Health , Disease and Death in Creatures Great and Small '

25 Mac 1995

Prof. Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din

' Fish Health : An Odyssey through the Asia - Pacific Region '

6 Mei 1995

Prof. Dr. Tengku Azmi Tengku Ibrahim

' Chromosome Distribution and Production Performance of Water Buffaloes '

10 Jun 1995

Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood

' Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu - Cabaran dan Harapan '

22 Julai 1995

Prof. Dr. Rahim Md. Sail

' Extension Education for Industrialising Malaysia : Trends , Priorities and Emerging Issues '

19 Ogos 1995

Prof. Dr. Nik Muhammad Nik Abd. Majid

' The Diminishing Tropical Rain Forest: Causes, Symptoms and Cure '

14 Oktober 1995

Prof. Dr. Ang Kok Jee

' The Evolution of an Environmentally Friendly Hatchery Technology for Udang Galah , the King of Freshwater Prawns and a Glimpse into the Future of Aquaculture in the 21st Century '

28 Oktober 1995

Prof. Dr. Sharifuddin Haji Abdul Hamid

' Management of Highly Weathered Acid Soils for Sustainable Crop Production '

9 Disember 1995

Prof. Dr. Yu Swee Yean

' Fish Processing and Preservation: Recent Advances and Future Directions '



KULIAH AWAM

16 Ogos 1995

Dato' Dr. Muhammad Ridzuan Hj. Mohd.Salleh

" Robust Work Ethics for the Technology Intensive Work Environment "

16 Disember 1995

Prof. Dr. Luis S. Pereira

